

MALAYSIA HASIL VAKSIN

Oleh Zuhainy Zulkiffli
am@hmetro.com.my

Georgetown

Kerajaan meletakkan cabaran kepada penyelidik di negara ini bagi menghasilkan vaksin kepada manusia dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Menyatakan hal itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Khairy Jamaluddin berkata, ia sebagai persediaan terhadap kewujudan pandemik lain meskipun sehingga kini Malaysia masih belum mampu menghasilkan sendiri vaksin Covid-19.

"Ia cabaran (kepada penyelidik) untuk menghasilkan vaksin bagi kegunaan manusia dalam tempoh berkenaan.

Kerajaan letak cabaran kepada penyelidik negara

"Ini (Covid-19) bukanlah pandemik terakhir dan mungkin ada lagi pandemik atau epidemik lain daripada haiwan atau manusia, semua negara perlu bersedia pada masa depan," katanya.

Khairy berkata demikian ketika ditemui selepas mengadakan

“Mungkin ada lagi pandemik atau epidemik lain daripada haiwan atau manusia
Khairy

lawatan kerja di Pusat Kollaborasi Kejuruteraan Sains dan Teknologi (CREST) Universiti Sains Malaysia (USM) Bukit Jambul di sini, semalam.

Setakat ini, Universiti Malaya (UM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima geran kerajaan sebanyak RM5 juta bagi membangunkan vaksin Covid-19.

"Namun, kita tidak memberi harapan yang tinggi kerana ia masih di tahap penyelidikan pra-klinikal," katanya.

